

PERSPEKTIF

Dalam Kaunseling Pastoral



**WAWASAN
PENABUR**

Perspektif Dalam Kaunseling Pastoral

Perihal Sikap, Hati Dan Seni

Tajuk	: Perspektif Dalam Kaunseling Pastoral
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd


Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Perspektif Dalam Kaunseling Pastoral

Perihal Sikap, Hati Dan Seni



Demikianlah gesaan Paulus kepada pembacanya. Dr D.A. Seamands pula mengatakan, “*Kaunseling pastoral adalah soal hati dan juga seni.*”

Kaunseling tidak boleh diamalkan hanya dengan ilmu pengetahuan tentang sejumlah teknik yang dipelajari secara formal atau informal.¹

Di awal pelayanan saya, sewaktu saya berstatus isteri seorang pastor dan kemudian menjadi seorang pensyarah di seminari, hati saya berkobar-kobar untuk membantu mereka yang mempunyai masalah rohani dan psikologi. Sebagai seorang ibu kepada tiga orang anak kecil, saya tidak mampu melibatkan diri seaktif yang saya inginkan. Namun, saya masih mampu mengikuti beberapa pelayanan/kaunseling/seminar pembentukan kerohanian

yang dianjurkan oleh penceramah terkenal seperti Pastor Selwyn Hughes, Dr John White dan Dr James Houston.

Suatu Pencarian

Saya masih ingat satu peristiwa di mana saya berusaha untuk memberi kaunseling kepada seorang perempuan muda. Dia kelihatan seperti memerlukan bantuan dari segi tubuh, jiwa dan rohani, namun segalanya tetap buntu. Kemudian saya teringat saya pernah melihat sekumpulan orang mendoakan seseorang. Orang itu dengan serta merta merasakan dia telah dibebaskan dan “dilengkapkan”. Anggapan saya adalah pelayanan pelepasan dan doa penyembuhan mampu menyelesaikan masalah ini di dalam beberapa hari. Sekiranya bantuan dapat diberikan dalam masa yang singkat, maka jumlah insan yang dapat dibantu pasti memberangsangkan. Namun, ketika saya mengamati mereka yang datang untuk menerima pelayanan ini, saya merasakan ada sesuatu yang hilang. Selalunya, mereka tidak tahu bagaimana untuk meneruskan hidup. Mereka adalah gambaran orang yang telah sembuh dari satu penyakit tetapi jatuh sakit sekali lagi. Apa yang terjadi adalah di luar pengetahuan saya. Bukankah mereka sudah dilepaskan daripada belunggu lama? Mungkinkah kini masalah mereka adalah disebabkan oleh “dosa” dan/atau tekanan yang baru?

Tanpa mengetahui apa yang harus dilakukan, saya terus mencari model-model yang boleh saya ikuti. Saya membaca buku dan mengamati cara orang Kristian yang matang dari Timur dan Barat melayani mereka yang memerlukan. Saya kemudian membandingkan nota-nota

mereka dan hasil kajian saya. Pada sekilas pandang, saya mula melihat Tuhan mengarahkan saya kembali kepada luka saya sendiri yang sudah sekian lama tersemat di dalam hati. Ia harus diurus terlebih dahulu. Saya terpaksa menghadapi ‘pembedahan emosi’ yang dalam, semuanya untuk mengetahui kuasa pemulihan Sang Pencipta. Jika tidak, saya pasti tidak mampu memberikan harapan kepada orang-orang yang datang kepada saya untuk menerima kaunseling, mahupun merealisasikan keinginan Tuhan untuk mengubah anak-anak-Nya.²

Saya masih belum dapat dan pasti tidak akan mampu melaksanakan Kaunseling Pastoral dengan baik. Namun, kini saya lebih berkeyakinan kerana saya tahu ada prinsip-prinsip yang boleh didapati di dalam Alkitab. Bukan itu sahaja, pengetahuan akan Tuhan dan manusia adalah sangat penting bagi membantu mereka yang berada di dalam kekelaman rohani, emosi dan mental.

Tambahan lagi, kita juga harus mempercayai bahawa Allah juga berkata-kata melalui pewahyuan umum-Nya, iaitu alam sekeliling kita (Roma 1:19-21). Murid Yesus yang bernama Yohanes juga menulis: *“Masih banyak hal-hal lain lagi yang diperbuat oleh Yesus, tetapi jikalau semuanya itu harus dituliskan satu per satu, maka agaknya dunia ini tidak dapat memuat semua kitab yang harus ditulis itu”* (Yohanes 21:25). “Hal-hal lain” yang dimaksudkan turut merangkumi apa yang kita lihat/anggap hari ini sebagai perkara yang saintifik.

Saya sedar yang saya harus bersifat terbuka terhadap pimpinan Roh Kudus ketika memberikan kaunseling kepada

orang lain. Oleh itu, kaunseling pastoral adalah soal hati dan juga seni. Dengan Firman Allah di satu tangan dan pengetahuan umum mengenai ciptaan Allah di tangan yang satu lagi, kita harus mempraktikkan kurnia kaunseling di bawah pimpinan Kaunselor segala kaunselor.

Para kaunselor pastoral yang biasa (iaitu mereka yang tidak mempunyai kelayakan profesional seperti Ijazah dan Sarjana di dalam Kaunseling) selalunya memberikan bantuan tanpa menyedari peranan mereka. Walaupun masalah mereka yang datang meminta nasihat mampu dikenalpasti, pengetahuan tersebut belum tentu dapat digunakan bagi mereka untuk memberikan bantuan. Kurnia rohani dan latihan praktikal mampu diintegrasikan di sini untuk membangun sesama sendiri.

Penemuan Kurnia-Kurnia

Semuanya masih segar di dalam ingatan saya (dan masih terasa bersalah) di mana sehingga akhir tahun 80-an, saya telah membiarkan beberapa orang rakan berada di dalam keadaan terawang-awang. Kini saya lebih berhati-hati dengan meminta bantuan daripada Tuhan untuk kebijaksanaan di dalam setiap langkah proses kaunseling, supaya saya dapat mendengar mereka dan Dia dengan lebih teliti. Kemudian saya berharap dapat mengajar mereka bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri, melalui kasih kurnia Allah.

Pada tahun 1986, melalui pengesahan akan kurnia Sang Pencipta kepada saya, saya mula mampu mengatakan

“Tidak” kepada perkara-perkara di luar kemampuan diri, dan “Ya” untuk perkara-perkara yang saya yakini saya telah dipanggil untuk melakukannya. Adalah menjadi harapan saya bagi para pembaca untuk meminta kepada Tuhan agar Dia menunjukkan anda kurnia-kurnia yang anda miliki, supaya hidup anda menjadi pelayanan yang penuh buah bagi-Nya.

Jadi, apakah kurnia kaunseling pastoral? Dengan mempelajari daripada para pakar yang terlatih, pandangan kita terhadap subjek tersebut dapat dimantapkan.

Definisi

Kita bermula dengan mencari definisi kata *pastor*. “Kurnia **pastor** adalah sebuah kebolehan yang Allah berikan kepada individu-individu tertentu di dalam tubuh Kristus. Mereka harus menjalinkan perhubungan dan tanggungjawab **jangka masa panjang** bagi kebajikan rohani komuniti pengikut Kristus.” (C. Peter Wagner, *Your Spiritual Gifts Can Help Your Church Grow*).³

Seorang pemimpin kumpulan sel di sebuah gereja ataupun pemimpin sebuah kelas Alkitab bagi persekutuan pelajar Kristian di kolej memerlukan kurnia ini untuk menjaga ahli-ahli mereka dengan baik. Jumlah ideal bagi sesebuah kumpulan adalah 10 hingga 15 orang. Yitro, bapa mertua Musa mencadangkan perkara tersebut kepada Musa di dalam Keluaran 18:13-26. Terdapat kemungkinan yang besar bahawa Yesus juga turut mengikuti prinsip tersebut

6 Siri Kaunseling Pastoral

di dalam pemuridan-Nya.

Kurnia ***penghiburan*** pula adalah satu kebolehan istimewa yang diberikan Allah kepada individu-individu tertentu di dalam tubuh Kristus untuk melayani dengan memberikan kata-kata penghiburan, nasihat, dorongan kepada anggota yang lain agar mereka berasa dibantu dan terhibur.

Kurnia penghiburan mempunyai skop yang sangat luas sehinggakan hanya ada segelintir sahaja yang mampu menggunakannya dengan baik. Itu pun kalau gaya hidup mereka membenarkan mereka untuk berbuat demikian, contohnya jika mereka hidup membujang atau tidak mempunyai anak tanggungan. Kenyataannya, kita melihat ramai orang yang terlibat dalam membantu orang lain memiliki satu ataupun dua daripada bahagian-bahagian kecil kurnia (menurut definisi ini) menghiburkan hati, menenangkan jiwa, mendorong atau memberi nasihat. Sebagai contoh, ketika berada di dalam sebuah sesi kaunseling, seorang kaunselor pastoral selalunya terpaksa menenangkan jiwa yang gundah dan memberi dorongan pada masa yang sama. Bersama dengan bahagian kecil kurnia yang lain seperti memberikan nasihat, seorang kaunselor juga memerlukan kurnia hikmat dan kebijaksanaan.

Tambahan lagi, oleh kerana masalah timbul tanpa diduga, nisbah bagi kaunselor dan penerima kaunseling di gereja mungkin boleh ditingkatkan menjadi satu pelayanan ***jangka masa pendek***. Ini membolehkan seorang kaunselor meluangkan masa dan tenaga yang lebih kepada setiap

penerima kaunseling. Pertemuan di antara Yesus dengan Nikodemus lebih menyerupai hubungan pemberi dan penerima kaunseling. Yesus memiliki pertemuan singkat yang serupa dengan ratusan orang di dalam tiga tahun pelayanan-Nya, tetapi hanya 12 orang sahaja yang mendapat layanan intim dan intensif daripada-Nya.

Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kecemasan, kita mungkin harus memberikan pertolongan kepada seseorang meskipun kita tidak mempunyai satu kurnia istimewa untuk menangani masalah tersebut. Bahan bacaan yang Alkitabiah adalah sangat membantu untuk mengenal pasti kebolehan dan kurnia anda. Sebelum saya mengetahui di mana letaknya fokus bagi kurnia yang Allah telah berikan kepada saya, rasa bersalah sering menghantui diri saya. Ini kerana saya tidak mempunyai stamina yang mencukupi untuk bertahan di dalam pelayanan jangka masa panjang. Saya tertanya-tanya mengapa Tuhan tidak memberikan saya tenaga yang mencukupi untuk membantu mereka yang saya kasihi. Setelah mengetahui kelebihan dan kekurangan diri sendiri, saya dibebaskan daripada perasaan bersalah yang palsu itu kerana tidak mengambil peranan di dalam penjagaan pastoral jangka masa panjang. Tatkala itu juga saya dibebaskan untuk melayanai dalam kaunseling jangka masa pendek.

Definisi Seorang Kaunselor Pastoral

Dalam Chamber's Twentieth Century Dictionary (1971), kita temukan definisi yang berikut:

- Seorang pastor adalah "seseorang yang perlu menjaga sekumpulan jemaah; juga dikenali sebagai

gembala atau paderi”.

- Pastoral – “berkait rapat dengan pengembala dan menggembala jiwa-jiwa”.
- Surat pastoral sebagai “sebuah buku yang ditulis berkenaan penjagaan bagi jiwa-jiwa”.

Webster’s New World Dictionary (1988) mendefinisikan pastor sebagai “seorang pengembala”. Sementara Kamus Pelajar Oxford untuk KBSM (Edisi ke-2, 1988) pula mendefinisikan pastor sebagai “seorang pelayan Kristian, paderi”. Pastoral pula diertikan sebagai “tugas-tugas terhadap menjaga kebajikan orang; penjagaan ataupun tanggungjawab pastoral”.

Istilah “pastor” digunakan di dalam Alkitab untuk menjelaskan peranan penjagaan para pemimpin di dalam gereja di zaman Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru (misalnya Yeremia 23:3-4; Yehezkiel 34:11-16; 1 Petrus 5:1-4). Oleh kerana perkataan “pastor” berakar kepada hati penggembalaan Allah sebagai seorang Gembala (Mazmur 23, Mikha 5:2-5), maka sebarang definisi mengenai kaunseling pastoral harus kembali kepada implikasi dan konteks pastoral/penggembalaan.

Oleh itu, apa yang penting adalah **sikap dan hati seorang kaunselor pastoral** dan bukan kaedah yang digunakannya. Dalam erti kata yang lain, kaunselor pastoral adalah seorang yang membimbing seorang yang lain dengan tujuan untuk membawa domba ataupun kambing itu kembali kepada Sang Gembala yang Baik. Yesus telah memberikan teladan serta menjelaskan kenyataan ini di dalam Yohanes 10:11-18.

Meskipun mereka tidak mempunyai latihan formal yang mencukupi, matlamat para kaunselor pastoral adalah untuk mengikuti langkah Yesus. Dia menuntun dan memimpin domba-Nya ke padang rumput yang hijau dan air yang tenang untuk menyegarkan mereka. Semua ini dilakukan di bawah kepercayaan penuh terhadap kebijaksanaan dan kuasa serta perlindungan gada dan tongkat-Nya di dalam memimpin mereka. Oleh itu, harapan dan dasar asas bagi semua kaunselor pastoral dan mereka yang menerima kaunseling ada di dalam Kristus dan juga pelayanan-Nya. *“Sama seperti Engkau telah mengutus Aku ke dalam dunia, demikian pula Aku telah mengutus mereka ke dalam dunia”* (Yohanes 17:18). Yesus memberikan kita teladan terulung di dalam memberikan belas kasihan dan empati kepada orang lain. Ini dapat dilihat ketika Dia berinteraksi dengan perempuan Samaria di tepi perigi (Yohanes 4).⁴ Yesus merentasi batasan budaya, bangsa dan agama untuk melayani dia, dan dengan demikian dia telah diubahkan.

“Oleh itu, kesedaran akan Kristus adalah tujuan utama kita di dalam kaunseling pastoral. Seorang insan mungkin sihat secara emosi tetapi sudah mati secara rohani. Tujuan kita adalah untuk membawa mereka untuk berhadapan dengan Allah bagi menerima kebenaran dan kasih kurnia-Nya.”

~ D.A. Seamands

Sebaliknya, walaupun anak-anak Tuhan di dalam Kristus hidup secara rohani, terdapat ramai yang sebenarnya tidak sihat dari segi emosi. Mereka tidak mampu mengalami hidup berkelimpahan yang Kristus tawarkan

kepada mereka. Tetapi, ada harapan di dalam Kristus... damai dan sukacita akan tiba apabila anak-anak-Nya diampuni, dipulihkan serta berjalan di dalam cahaya dan kasih Tuhan. Kita juga perlu menerima bahawa di kebanyakan peristiwa, pemulihan yang *bermula sebagai sebuah krisis harus disempurnakan di dalam proses penyucian*. Harapan setiap kaunselor adalah agar proses tersebut bermula sekarang, walaupun selalunya para penerima kaunseling akan mengambil masa untuk pulih secara mental dan emosi dengan sihat. Sekiranya perkara ini tidak terjadi, kekecewaan akan berlaku dan kesannya mungkin menja lebih teruk daripada keadaan sebelum kaunseling dijalankan.

Oleh itu, kaunseling pastoral tidak boleh dipisahkan daripada pembentukan rohani. Mungkin kurnia membimbing orang dalam pembentukan rohani adalah berlainan, dan masa yang diperlukan juga adalah panjang untuk mereka yang menerima kaunseling. Oleh yang demikian, saya lebih suka menganggap kaunseling pastoral sebagai lengan sebelah bagi pembentukan rohani manakala amalan disiplin Kristian adalah lengan yang satu lagi. (Rujuk buku *Memperbaharui Fikiran* dalam Siri Kaunseling Pastoral ini). Dengan itu, seorang kaunselor pastoral bebas menggunakan apa sahaja kaedah untuk membantu orang yang mahu dibimbingnya. Ini termasuklah menggunakan sains psikologi, asalkan ia tidak bercanggah dengan kebenaran Allah yang ditunjukkan melalui hidup Yesus dan Firman Allah.

Di Wahyu 16:6-9, kita boleh menyimpulkan bahawa pengantin perempuan Kristus mempersiapkan dirinya

dengan mengenakan jubah pekerjaan yang baik. Menurut konteks dan mandat dalam Yohanes 13:34-35, pekerjaan yang baik merujuk kepada apa sahaja yang kita lakukan di dalam kasih untuk membantu orang lain mengenali Allah sebagai TUHAN (ini juga dinyatakan oleh Yesus dalam Matius 5:13-16). Ini bermakna, apa sahaja tindakan yang membawa orang untuk melihat dan mengenal Tuhan adalah baik. Mereka yang belum percaya akan dibimbing untuk mengenali Dia, sementara umat Kristian pula akan disucikan dan dipersiapkan untuk Sang Pengantin Lelaki. Kedua-dua pihak, iaitu si pemberi dan si penerima kaunseling akan lebih mendekati Allah.

Dapat disimpulkan bahawa kaunseling adalah salah satu daripada pekerjaan yang baik di dalam proses transformasi kerohanian.

Rangka Pembentukan Kerohanian

“Inilah kehendak Allah bagi kamu: Hendaklah kamu mengamalkan hidup yang suci, dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang cabul.”

(1 Tesalonika 4:3)

“Tetapi Allah sudah menjadikan kamu hidup bersatu dengan Kristus Yesus. Melalui Kristus, Allah menjadikan kita bijak. Melalui Kristus juga Allah memungkinkan kita berbaik semula dengan Allah, menjadikan kita umat-Nya yang khas dan membebaskan kita.”

(1 Korintus 1:30)

Pembentukan kerohanian adalah satu istilah bagi menjelaskan proses di mana Allah akan menggunakan pelbagai cara untuk membentuk anak-Nya supaya dia akan lebih menyerupai Anak-Nya, Yesus. Kita juga harus melihat orang yang menerima kaunseling itu sebagai seorang insan dan bukan sekadar sebuah kes ataupun masalah, walaupun adalah lebih praktikal untuk merujuk mereka sebagai “kes-kes”.

Rasul Paulus mengingatkan kita bahawa kita harus menanggalkan diri kita yang lama – kelemahan dan dosa di dalam kita – sambil mengenakan keperibadian Kristus, mengikuti kelakuan-Nya (Kolose 3:1-17 dan Galatia 5:16-26). Kita tahu hanya Roh Kudus yang mampu bekerja di dalam mengubah keperibadian seseorang. Namun terdapat satu faktor lain yang berkait langsung dengan proses transformasi tersebut. Roma 12:12 menjelaskan proses itu sebagai proses memperbaharui fikiran kita – mengenai Allah, ciptaan-Nya, diri kita sendiri, orang lain dan hubungan sesama kita. Pandangan kita terhadap Allah, manusia dan dunia juga harus diperbaharui. Sekiranya kita telah dipanggil untuk menanggalkan dan mengenakan, pembaharuan ini harus kita jalani sebagai anak-anak Tuhan. Terdapat banyak perkara yang harus kita lakukan kepada diri sendiri dan orang lain, sama seperti dorongan yang Paulus berikan kepada umat Kristian di Filipi 2:12,13. Dua aspek proses pembentukan kerohanian yang mungkin bertindih adalah seperti berikut:

1. Penyucian: Menanggalkan diri yang lama

Yesus Kristus, Domba Allah, telah datang untuk menyelamatkan kita daripada dosa, sakit-penyakit dan

kelemahan dan kecelaan (Yesaya 53:4-5). Oleh itu, semua orang di muka bumi ini memerlukan pertolongan sedemikian di dalam hidup mereka. Dosa dan kesannya harus disingkirkan sewaktu hidup Anak Allah bertumbuh di dalam mereka:

- a. Roh kita memerlukan pertaubatan dan pengampunan dosa.
- b. Emosi kita memerlukan kesembuhan daripada luka yang terjadi hasil daripada dosa sendiri mahupun orang lain; fikiran kita memerlukan pembaharuan daripada corak pemikiran yang lama dan kehendak kita harus tunduk untuk melayani Tuhan.
- c. Tubuh fizikal kita memerlukan kesembuhan daripada sakit penyakit.
- d. Penindasan (yang mungkin memberikan tanda-tanda dan simptom yang serupa dengan yang tersenarai di atas) daripada musuh Allah memerlukan pelepasan dan/ataupun pembebasan daripada kuasa kegelapan.

i. Roh Kita

Sama ada sebagai pemberi ataupun penerima kaunseling, kita harus menerima kenyataan akan kewujudan dosa. Allah Bapa telah mengizinkan Yesus dihukum kerana dosa-dosa kita (Yesaya 53:5). Seluruh ciptaan Allah telah dirosakkan oleh dosa. Masalah manusia turut disebabkan oleh kewujudan dosa, sama ada itu masalah kita atau pun orang lain. Tetapi kebanyakan daripada kita memilih untuk mengelak ataupun menafikan kemungkinan bahawa dosa kita mampu menyebabkan masalah emosi, mental dan fizikal.

A.W. Tozer memetik John Wesley dengan berkata, “... kita tidak akan menafikan Kristus dengan mengakui dosa kita, tetapi kita pasti akan berbuat demikian dengan menafikan dosa-dosa kita.”⁵

Tambahnya lagi, “Satu iman sentimental yang mengabaikan penghakiman Allah terhadap kita dan mendengar kepada pengesahan jiwa akan membawa maut. Satu iman pasif yang menerima semua petikan berunsur gembira dari Alkitab namun mengabaikan ataupun menolak amaran dan perintah yang terdapat di dalam Firman yang sama bukanlah iman yang diperkatakan oleh Kristus dan rasul-rasul-Nya.”⁶

Oswald Chambers juga turut menekankan perkara ini, “Tidak didamaikan dengan kenyataan dosa – yakni tidak mengenali dan enggan untuk menguruskannya – menghasilkan semua musibah di dalam hidup... Jika anda enggan mengakui wujudnya kejahatan dan kepentingan diri, kebencian dan kesalahan di dalam manusia, apabila ia menyerang hidup anda, anda akan berkompromi dengannya dan malah akan berkata tidak ada gunanya untuk melawan.”⁷

Apabila kita berfikir tentang dosa di dalam hidup, adakah kita berfikir tentang satu hadirat kuasa jahat di dalam kita ataupun satu fakta khusus yang kita harus hadapi setiap hari? Oswald Chambers mengatakannya seperti berikut,

“Mudah untuk seseorang berkata, ‘ya, aku seorang yang berdosa’. Tetapi apabila dia datang ke dalam hadirat Allah, dia tidak mampu melarikan diri daripada kenyataan tersebut. Keyakinan kita tertumpu

kepada dosa kita yang khusus, dan kita menyadari, sama seperti Yesaya, siapa kita yang sebenarnya. Inilah tanda bahawa seseorang berada di dalam hadirat Allah.”⁸

Tuhan Yesus memberitahu perempuan Samaria ketika bersamanya di tepi perigi, “Allah itu Roh, dan hanya dengan kuasa Roh Allah orang dapat menyembah Bapa sebagai Allah yang benar” (Yohanes 4:24).

Tidaklah menghairankan di dalam Wahyu 3:20, permintaan Yesus adalah agar kita membuka pintu hidup kita kepada Dia. Penyucian bermula di dalam lubuk diri kita walaupun Allah terpaksa memisahkan jiwa daripada roh, tulang daripada sendi, seperti yang diajar oleh penulis surat Ibrani (Ibrani 4:12,13). Penyucian Bait Allah di dalam Yehezkiel 43 adalah sebuah simbol bagi penyucian akan bait rohani Allah; yakni umat Allah setelah Kristus menghubungkan kita kembali kepada Bapa-Nya.

ii. *Fikiran, Emosi dan Kehendak Kita*

Paulus menggesa kita di dalam Roma 12:12 untuk diubahkan melalui pembaharuan fikiran. Sekiranya kita mempertimbangkan proses yang terjadi sebelum kita mengambil sesuatu tindakan, ia adalah seperti berikut:

- Pertama sekali kita disajikan dengan satu *gambaran mental* akan sesuatu perkara atau seorang individu di dalam situasi tertentu, contohnya seorang anak yang sedang kebuluran.
- Kemudian kita akan *merasakan* keadaan anak tersebut, sama seperti Yesus yang merasakan

belas kasihan kepada “domba tanpa gembala” (Matius 9:36-38).

- Akhir sekali, kita akan *tergerak* untuk memberikan anak tersebut makanan, contohnya dengan menyumbang melalui organisasi seperti World Vision. Iman tanpa perbuatan adalah mati (Yakobus 2:14-26).

Oleh itu, tindakan kita bermula di fikiran, yang kemudiannya mengacau perasaan untuk beraksi dengan melakukan kehendak kita. Perkara ini jelas dilihat di dalam Yesus. Apabila Dia melihat keadaan orang di sekeliling-Nya, Dia mula menaruh belas kasihan kepada mereka. Kemudian Dia mengajar mereka untuk meminta pertolongan daripada Allah. Selepas itu, Dia memanggil 12 orang murid pilihan-Nya, membimbing dan menghantar mereka untuk menjaga domba-domba yang sesat (Matius 9:35-11:1). Dia tidak melakukannya sendiri.

Oleh kerana budaya kita menitik-beratkan fikiran dan kesungguhan hati lebih daripada emosi, kita sering tertanya-tanya akan kepentingan perasaan kita. Ramai yang berasa bersalah untuk meluahkan dan membincangkannya. Ramai umat Kristian yang berkhotbah, mengajar dan menjaga tanpa memiliki belas kasihan menakala pihak yang lain terus meneruskan memberikan tumpuan yang keterlaluan terhadap perasaan mereka kerana tidak mampu memberikan sebarang kebaikan kepada orang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya kita menyedari cara manusia berfungsi, kita mampu membantu orang lain untuk

mengerjakan keselamatan yang Allah telah lakukan di dalam kita.

iii. Tubuh Fizikal Kita

Kita tidak boleh terlalu menitik-beratkan keperluan kita untuk dipulihkan daripada sakit penyakit. Panduan Yesus kepada 12 orang murid-Nya merumuskan pelayanan ini (Matius 10:1). Di dalam gereja hari ini, Allah telah berkali-kali menunjukkan bahawa walaupun kita meminta-Nya untuk menyembuhkan kita, Dia berhak untuk menggunakan kaedah yang diinginkan-Nya... sama ada melalui keajaiban, latihan mahupun perubatan. Selepas mencapai pertengahan umur, saya belajar untuk bekerjasama dengan-Nya di dalam mengikuti hukum alam yang telah dilaksanakan-Nya bagi kita untuk berfungsi dengan sihat, meskipun di dalam belas kasihan-Nya, Dia masih menyembuhkan dengan ajaib dan kita bergembira apabila itu berlaku.

iv. Penindasan Sang Musuh

Di dalam Kejadian bab 3, Iblis menipu Hawa tentang sebab di sebalik perintah Allah kepada Adam dan dirinya – mereka tidak seharusnya makan buah daripada pohon kehidupan. Dia ingin menunjukkan kita bahawa Allah tidaklah sebaik mana. Dia juga cemburu terhadap kasih Allah kepada pasangan tersebut, pasangan yang dicipta melalui gambaran-Nya. Allah diperlihatkan sebagai Tuhan yang mementingkan diri malah gentar akan kebolehan manusia. Adam dan Hawa mempercayai tipu daya Iblis mengenai Allah. Kesannya, mereka terpaksa menderita kerana dosa memberontak terhadap Allah.

Ayub pernah mengalami penderitaan yang digunakan untuk mencabar kesetiannya kepada Allah. Iblis mahu menunjukkan bahawa Allah tidak layak untuk ditakuti, disembah dan disayangi oleh manusia. Dia mungkin cemburu akan kemurahan Allah terhadap Ayub. Ayub *menderita walaupun dia tidak berdosa* kerana dia mempercayai Allah yang sangat dikenalnya.

Kita harus berwaspada untuk mengenali kejahatan dan kelicikan si Iblis yang mahu merosakkan hubungan kita dengan Allah. Apa yang Allah mahu kita lakukan adalah untuk mengenakan seluruh perisai Allah (Efesus 6:10-17) setiap masa. Ini kerana hanya Kristuslah satu-satunya Pelindung kita (Yohanes 17).

Oleh itu, melalui definisi dan pengalaman, tugas seorang kaunselor pastoral adalah untuk berurusan dengan aspek emosi, mental, kerohanian dan kerelaan seseorang. Namun demikian, mereka juga boleh memberikan bantuan bagi masalah fizikal dan masalah penindasan yang dihadapi oleh orang yang datang mendapatkan kaunseling darinya.

2. Penyucian: Mengenakan Diri Yang Baru

Perkara ini merujuk kepada usaha untuk mengerjakan keselamatan yang Allah telah laksanakan di dalam kita (Filipi 2:12). Untuk tujuan ini, kita harus mengamalkan beberapa “disiplin kerohanian” yang asas. Ia diungkit di seluruh Perjanjian Baru. Sebagai contoh, kita haruslah:

- a. Hidup dengan Firman Allah, iaitu dengan membaca dan merenungkan Alkitab (1 Petrus 2:1-3)

- b. Hidup dengan Roti yang hidup, iaitu dengan meluangkan masa di dalam hadirat-Nya dan seperti sebuah cermin untuk memantulkan Dia (2 Korintus 3:18)
- c. Berdoa dan berpuasa untuk melakukan kehendak-Nya (Markus 9:29)
- d. Mendengar kepada Allah di dalam doa dan keheningan (Matius 6:5-18)
- e. Memberi dengan murah hati kepada mereka yang lebih memerlukan (2 Korintus 8 dan 9)
- f. Menyembah Dia di dalam pujian dan penyembahan yang suci dan tidak berbelah bagi, menghidupkan semula persahabatan bersama Allah (Wahyu 3:20).
- g. Melayani Allah dengan melayani orang lain menggunakan kurnia semula jadi dan kerohanian kita (Efesus 4:7-13).

Di dalam semua aspek kehidupan Kristian kita, kita harus dipenuhi dengan Roh Kudus setiap masa untuk disucikan di dalam perjalanan kita menjadi seperti Kristus. Kita bukan sahaja harus berdoa, tetapi melakukan apa yang kita doakan. Kita tidak boleh menukarkan ketaatan dengan doa semata-mata (Matius 7:21).⁹ Doa harus membawa kita kepada ketaatan yang aktif kepada Allah.

Oleh itu, kita tidak akan berkembang di dalam kematangan sebagai anak Tuhan jika kita menanggalkan diri yang lama tetapi tidak mengenakan diri yang baru. Yesus sendiri menunjukkan kepada kita bahawa untuk menghalau roh jahat keluar daripada rumah tanpa mengisikannya dengan Roh Kudus, hanya akan membawa kepada penghuni roh jahat yang lebih banyak. Akan

tetapi, kita juga menyedari bahawa untuk mengenakan diri yang baru tanpa menanggalkan yang lama akan membantutkan proses perkembangan kita. Siapa yang mahu dilemaskan oleh karbon dioksida yang dikeluarkan daripada kehancuran kita?

Oleh yang demikian, pertama sekali, kaunseling hanya akan memberikan kebaikan dalam jangka masa pendek melainkan jika kita **bekerjasama dengan orang lain** di gereja atau masyarakat kita yang mempunyai kebolehan yang kita tidak miliki. Satu bahagian kehidupan seseorang yang terjejas akan mempengaruhi keseluruhan orang tersebut. Kita tidak boleh berkata, "*kerja saya sudah selesai... sekarang tolong jaga diri anda sendiri*" sekiranya masih ada bahagian lain di dalam hidupnya yang memerlukan tindak susulan. Tindakan meninggalkan si penerima kaunseling di dalam kesusahan selepas sesi selesai adalah sesuatu yang membinasakan. Sebagai seorang kaunselor, saya telah banyak kali menolak orang yang datang menerima kaunseling dengan tidak sengaja; saya juga pernah sia-sia menjadi penat apabila tidak dapat mencari orang lain untuk menindak-susuli seorang penerima kaunseling di bahagian di mana saya tidak mampu memberikan pertolongan. Saya terpaksa terus bertahan bersama mereka.

Kedua, kita harus **menerima batasan diri kita** apabila bersemuka dengan masalah yang kita tidak mampu kendalikan. Mungkin lebih baik untuk merujuk mereka kepada kaunselor lain daripada terus menahan mereka. Akan tetapi kita tidak seharusnya merujuk mereka kepada orang lain semata-mata kerana ingin meninggalkan tugas yang tidak kita sukai.

Ketiga, anda mungkin bertemu dengan seorang penerima kaunseling *yang juga sedang berjumpa dengan beberapa orang kaunselor lain* pada masa yang sama, untuk mendapatkan nasihat bagi masalah yang sama ataupun yang berlainan. Ini adalah salah satu situasi yang paling sukar untuk dikendalikan sekiranya kita ingin membantu seseorang untuk mara kepada hidup dan fikiran yang diperbaharui. Sekiranya kaunselor Kristian belajar untuk mempercayai satu dan yang lain, persetujuan boleh dicapai agar salah faham dan persaingan tidak akan terjadi. Adalah lebih baik jika hanya seorang kaunselor berjumpa dengan seorang penerima kaunseling pada satu masa. Walaupun sekiranya terdapat sebilangan orang yang memberikan bantuan bagi masalah-masalah yang lain, penerima kaunseling mungkin tidak mampu untuk mengikuti dengan nasihat-nasihat yang berbeza dalam masa yang sama. Tujuan kita adalah untuk membantu mereka melihat masalah dari sudut pandangan Allah. Jika orang lain mampu melakukannya dengan lebih baik, maka serahkan orang yang perlu bimbingan tersebut kepada mereka dengan hati dan tangan yang terbuka.

Keberkesanan

Tujuan bagi kebanyakan sesi kaunseling adalah untuk membantu seseorang untuk berfungsi sebagai seorang insan yang lebih bebas di dalam hubungannya dengan diri sendiri dan orang lain. Kaunseling sekular melibatkan pemberi dan penerima kaunseling dengan ataupun tanpa roh jahat (seperti mendapatkan bantuan “bomoh” dan dukun-dukun). Kaunseling pastoral pula melibatkan pemberi dan

penerima kaunseling, dan Allah Roh Kudus. Kita percaya bahawa hadirat Allah menjadikan kaunseling pastoral penuh dengan harapan dan kesempurnaan, oleh kerana pekerjaan kebenaran dan kasih kurnia-Nya ada di dalam kita. Bagi mereka yang melakukan bakat kurnia-Nya di dalam bidang ini, kita harus hidup dengan telus di dalam hadirat-Nya.

Keberkesanan di dalam sebuah projek adalah kebolehan untuk mencapai tujuan. Oleh itu, jika tujuan bagi kaunseling pastoral adalah untuk membantu seseorang untuk didamaikan kepada Allah, diri sendiri, orang lain dan juga persekitarannya, di dalam persiapan mereka untuk bertemu dengan Yesus Kristus sebagai pengantin-Nya, maka keberkesanan seorang kaunselor bergantung kepada kebolehannya untuk mendapatkan perdamaian tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat kesulitan di dalam menganalisa keberkesanan seorang kaunselor. Tidak ada seorangpun yang tahu masalah dan proses untuk mengenal pasti masalah setiap penerima kaunseling. Jika mereka meminta pertolongan hanya sekali, kaunselor tidak akan mengetahui betapa berkesannya dia melainkan orang tersebut kembali untuk mengongsikan kegembiraan yang dimilikinya. Tentu sahaja kita berharap mereka mampu mara ke hadapan bersama Kristus tanpa memerlukan sebarang bantuan lagi daripada kaunselor.

Hubungan kaunselor dan penerima kaunseling adalah sangat berbeza daripada hubungan seorang guru dan anak muridnya. Seorang guru melihat hasil bagi usahanya dengan melihat para pelajar lulus dalam peperiksaan dan

berjaya dalam kerjaya mereka. Seorang arkitek yang baik mempunyai binaan yang telah siap untuk ditayangkan kepada orang ramai. Seorang doktor yang baik senang mendengar para pesakit mereka menceritakan kepada orang lain tentang pemulihan yang mereka alami setelah mendapat rawatan darinya. Akan tetapi, seorang kaunselor terikat dengan kerahsiaan, dan hanya beberapa orang penerima kaunseling yang akan membongkarkan rahsia mereka sendiri. Apabila mereka berbuat demikian, mereka memberikan kemuliaan kepada Penyembuh yang sebenar.

Oleh itu, siapa yang mampu menilai keberkesanan seorang kaunselor tidak terlatih? Jika anda mengikuti sebuah kursus kaunseling profesional, struktur kursus telah disusun supaya professor anda dapat memastikan anda telah memenuhi semua persyaratan. Contohnya, anda harus mengendalikankan 500 kes sebelum anda disahkan untuk menjadi seorang ahli psikologi klinikal. Namun demikian, selepas itu anda mungkin masih tidak pasti sama ada anda benar-benar berkesan ataupun tidak!

Harapan yang kita miliki adalah Allah akan menyokong mereka yang benar-benar mahu mengikuti jejak Yesus di dalam pelayanan-Nya. Kita harus mengosongkan fikiran kita sebelum kita lebih mendalami pekerjaan-Nya, agar apa yang kita lakukan secara rahsia di hadapan Tuhan akan ditandakan sebagai kecemerlangan. Kita harus hidup sebagai manusia, anak-anak Allah yang hidup, dan sebagai pelajar di dalam kemahiran untuk memberikan kaunseling. Kita harus mempelajari melalui pengalaman bagaimana untuk membantu para penerima kaunseling,

belajar daripada mereka, kaunselor lain dan juga melalui pembacaan kita sendiri, sama ada dari Alkitab mahupun tulisan-tulisan yang lain. Sememangnya, pelayanan pendamaian adalah untuk menyatukan manusia kepada Allah. Oleh itu, kita harus mengenai Allah dan manusia dengan baik.

Kerja Berpasukan

Pada asalnya, kaunseling pastoral dilakukan oleh pastor yang dikenali ramai sebagai seorang yang dekat kepada Allah. Akan tetapi, di dalam gereja yang lebih besar dan di dalam zaman yang serba pantas, adalah tidak bijak bagi ahli gereja untuk bergantung kepada pastor mereka untuk melaksanakan tugas ini seorang diri. Sebagai tambahan, dengan kesan globalisasi, ahli gereja kini lebih terdedah kepada pengalaman yang mungkin tidak dialami oleh pastor mereka. Oleh itu, adalah lebih baik untuk meminta kurnia kaunseling daripada Allah untuk orang ramai serta mendorong mereka untuk terlibat di dalam pelayanan yang kian mendesak ini. Mereka boleh bekerja seiring, dan di bawah pengawasan pastor mereka ataupun para pemimpin gereja.

Oleh kerana Allah telah menciptakan kita sebagai sebuah komuniti di dalam-Nya, semangat berpasukan adalah sangat penting. Jika ia diperlukan di gereja-gereja kecil, ia lebih diperlukan di dalam gereja yang lebih besar dan kompleks. Dengan itu, para pastor boleh menumpukan untuk berkhotbah dan mengajar Firman Allah, satu tugas yang sering tidak dipenuhi oleh ahli yang tidak terlatih.

Kontekstualisasi

Kita harus menjadi seperti Yesus di dalam mengenal pasti pandangan dunia orang yang menerima kaunseling dari kita. Di dalam konteks di Malaysia, kita harus menjadi sensitif kepada latar belakang mereka. Kita juga berhadapan dengan kemungkinan untuk lintas budaya, agama dan benteng sosial bagi memberikan kasih sayang dengan cara yang boleh mereka fahami. Dr D.A. Seamands yang pernah menjadi misionari di India selama 17 tahun menerangkan butiran ini. Sebagai contoh:

- ⊙ Jika kita memujuk pendengar kita untuk dilahirkan semula sebelum mereka memasuki Kerajaan Allah tanpa menjelaskan maksudnya, ramai penganut agama Buddha dan Hindu akan bersetuju dengan mudah. Ini disebabkan oleh kepercayaan mereka akan lahir semula (reinkarnasi), dan mereka sememangnya berharap untuk dilahirkan semula... berkali-kali.
- ⊙ Untuk memberikan penghiburan kepada seseorang yang sedang bersedih dengan berkata Allah telah mengambil orang yang mereka sayangi kembali ke 'rumah-Nya' mungkin akan menimbulkan kedahsyatan di dalam fikiran mereka sekiranya mereka datang dari keluarga yang porak-peranda. Kita mungkin mengerti "rumah" bermaksud "syurga", tetapi bagi mereka ia mungkin bermaksud "neraka" kerana rumah tangga mereka yang bak seperti neraka!

Kita harus meminta dari Allah hikmat, pengertian dan kesensitifan kepada pandangan dunia orang lain terutamanya di dalam penggunaan bahasa kita. Kaunseling pastoral adalah sebuah pelayanan berunsurkan


kata-kata yang disahkan melalui gaya hidup kaunselor tersebut.

Perbezaan Utama – Hadirat Allah


Apa yang membezakan kaunseling pastoral daripada jenis kaunseling yang lain bukan terletak kepada kaedah yang digunakan, tetapi kepada orang yang terlibat. Di sini, seperti yang dikatakan oleh Yesus, Allah hadir dan mendengar, tetapi Dia tidak boleh dilihat. Dia melayani dengan mendengar, merasakan, memikirkan, menyatakan, mengilhamkan dan memampukan Roh Kudus untuk mengetahui rahsia hati manusia.

Hadirat-Nya menjadikan kaunseling tersebut “pastoral”. Hadirat-Nyalah yang membezakan kaunseling pastoral daripada semua jenis kaunseling yang lain, sama ada Kristian, sekular ataupun yang bersifat keagamaan. Allah membolehkan seorang manusia yang terhad dan rapuh untuk berjalan bersama penerima kaunseling sehingga mereka mampu berjalan sendiri bersama Allah dengan yakin di dalam kebenaran dan kasih kurnia-Nya.

Hadirat Allah



“Kemudian turunlah awan meliputi Khemah TUHAN, dan Khemah itu penuh dengan cahaya hadirat TUHAN. Oleh sebab itu, Musa tidak dapat masuk ke dalam Khemah TUHAN.” (Keluaran 40:34-35)

A decorative graphic of a scroll with a feather quill. The scroll is unrolled and contains text. The feather quill is positioned to the right of the scroll, pointing downwards.

“Kita ini tempat kediaman Allah yang hidup. Allah sendiri berfirman, “Aku akan tinggal bersama-sama mereka, dan hidup antara mereka; Aku akan menjadi Allah mereka, dan mereka akan menjadi umat-Ku.”

2 Korintus 6:16)

Di dalam bukunya, *The Presence of God in Pastoral Counselling*,¹⁰ Wayne Oates membincangkan realiti Allah dan keperluan bagi hadirat-Nya secara umum dan khusus di dalam situasi kaunseling. Sewaktu saya membacanya, saya merasa didorong bahawa orang biasa seperti saya juga boleh digunakan sebagai alat-Nya asalkan saya terus mempercayai dan mentaati Dia setiap hari.

Francis A. Schaeffer mengatakan di dalam buku *No Little People, No Little Places*¹¹ bahawa tongkat Musa bukan hanya sekadar sebatang kayu tua. Apabila ia dipakai oleh Allah melalui ketaatan hamba-Nya Musa, tongkat tersebut melakukan banyak keajaiban. Salah satu contoh moden bagi pengalaman sedemikian adalah Rosemary Green, isteri kepada Michael Green. Di dalam bukunya yang bertajuk *God's Catalystz*,¹² dia bersaksi bagaimana Allah memanggil dia, seorang suri rumah dan menjadikan dia sebagai seorang kaunselor pastoral apabila dia mengikuti Allah melalui setiap langkah latihan yang tidak formal. Saya berharap anda akan membaca buku-buku ini agar anda juga akan didorong untuk menjadi “tongkat di

tangan-Nya” yang unik. Kita harus menenggelamkan diri kita di dalam hadirat-Nya, sama seperti seekor ikan yang tidak mampu hidup tanpa air.

A.W. Tozer meratap: “Pada zaman ini, keheningan sangat sukar untuk dicari. Hadirat dan kuasa Kristus ditawarkan kepada kita di dalam waktu yang dipenuhi dengan aktiviti dan bunyi bising, sama seperti ia ditawarkan kepada para nelayan di tasik Galilea yang tenang ataupun para gembala di dataran Yudea. Hanya satu kondisi saja jika kita dapat mendengar suara-Nya dalam keheningan dan percaya apa yang kita dengar.”¹³

Mari kita kaji beberapa petikan Alkitab yang meluahkan tentang hadirat Allah di dalam hidup kita.

1. Mazmur 139

Pemazmur berkata hadirat Allah tidak akan meninggalkan dia; Allah yang menciptakan dirinya ingin untuk menjaganya di mana pun dia berada. Mazmur 100:3 mengesahkan pesanan ini. Oleh itu, kita boleh meyakinkan orang yang menerima kaunseling walaupun Allah mengetahui segalanya mengenai kita, Dia tetap menyayangi kita. Kita tidak mungkin terlepas daripada pandangan-Nya. Wayne Oates memanggilnya sebagai semua fikiran dan perbuatan manusia yang boleh tercium dan diketahui oleh-Nya.

2. Matius 25:31-46

Yesus sendiri berkata di mana sahaja murid-Nya akan pergi, mereka akan melihat Dia di dalam wajah dan tubuh orang yang mereka temui. Bonda Teresa adalah

salah seorang daripada mereka yang mengetahui dan mengalami hadirat-Nya dengan cara ini. Allah telah menggunakan hidupnya untuk membawa ramai orang kepada Kerajaan Allah. Terdapat beberapa peristiwa di mana ia terjadi sedetik sebelum mereka meninggal dunia.

3. Mazmur 19:1-6

Pemazmur mengisytiharkan hadirat Allah di dalam alam sekitar di sekeliling kita. Paulus mengatakan perkara yang sama di dalam Roma 1:18-20 dan Kisah Rasul-Rasul 17:24-31.

Hadirat Allah adalah berbeza daripada panteisme yang mempercayai bahawa tuhan ada di dalam dan adalah sebahagian daripada setiap orang dan benda. Di dalam Alkitab, Allah sering digambarkan sebagai berbeza dan berkuasa di atas seluruh ciptaan-Nya. Oleh itu, tindakan menyembah ciptaan-Nya adalah untuk “menukar ajaran benar daripada Allah dengan dusta. Mereka lebih suka menyembah dan mentaati apa yang diciptakan oleh Allah, daripada menyembah dan mentaati Allah yang menciptakan semuanya. Dialah yang seharusnya dipuji selama-lamanya”!
(Roma 1:25).

a. *Hadirat Allah berdiam bersama manusia sejagat*

Kerana kita yakin dan dijamin keinginan Allah adalah untuk bersama-sama dengan manusia, kita boleh meyakinkan para penerima kaunseling untuk tidak berputus asa kerana Allah sedang menantikan mereka untuk kembali kepada-Nya.

- b. *Hadirat Allah berdiam bersama mereka yang memiliki identiti yang jelas*

Pengetahuan ini akan dibuktikan di dalam umat Allah yang berharga, jaminan keselamatan bagi kasih perjanjian yang telah dimaterai oleh darah Yesus dan disahkan oleh Roh Kudus. Mereka akan diingatkan untuk hidup sebagai satu komuniti Allah yang melaluinya kasih kurnia pemulihan-Nya dapat disalurkan.

Wayne Oates menyatakan, *“Di dalam Kaunseling Pastoral, penjagaan individu secara perseorangan membawa kebaikan tetapi ia tidak sempurna. Sebuah komuniti yang prihatin, beriman dan mengamalkan penerimaan tanpa syarat adalah diperlukan.”*¹⁴

Howard Clinebell berkata, *“Pembebasan yang paling lengkap hanya boleh mengambil tempat di dalam komuniti yang mengamalkan penjagaan sesama sendiri.”*¹⁵

L.C. Marsh menambah, *“Mereka terluka kerana orang ramai; mereka sembuh kerana orang ramai,”*¹⁶

- c. *Hadirat Allah di dalam penderitaan manusia*

Allah mengambil bahagian di dalam luka-luka umat-Nya. Apabila kita hancur, Dia turut hancur bersama kita walaupun kita selalunya menderita kerana dosa sendiri (Yeremia 8:21, Yesaya 1:5-6).

Alkitab Sebagai Kewibawaan Terulung Bagi Kaunseling Pastoral

Kita mengakui kewibawaan Firman Allah dan dengan kasih kurnia-Nya kita menerima kehidupan. Di dalam pengalaman saya, saya pernah melihat “suami-suami, para isteri dan anak-anak yang terperangkap”¹⁷ dan menderita secara emosi dan mental kerana seorang daripada ahli keluarga mereka bersifat keingin-sempurnaan yang ektrim. Orang sedemikian, walaupun diselamatkan dengan kasih kurnia, tetap menjangkakan yang mustahil daripada ahli keluarga yang lain meskipun dia juga turut gagal di dalam mencapai matlamat yang diciptanya sendiri. Mangsa akan menderita secara senyap, terutamanya mereka yang beragama Kristian. Alkitab sering dipakai untuk menyokong tuntutan mereka kepada orang lain.

Alkitab tidak mampu menyelamatkan orang. Hanya Anak Allah yang mampu berbuat demikian. *“Di dalam kaunseling pastoral, apabila saya melihat Alkitab dijadikan pusat bagi proses kaunseling. Dengan tidak semena-mena, masalah yang dibincangkan – perceraian, kahwin semula, umat Kristian menyaman sesama sendiri di mahkamah – berhenti menjadi isu. Isu yang kini menjadi persoalan adalah ketepatan kepada tafsiran yang kita berikan. Akan tetapi, mata kita tertutup kepada kebenaran ini.”*¹⁸

Oates menggesa kita untuk menafsir hubungan kaunseling pastoral dengan hadirat Allah sebagai pusat yang abadi. Harapannya adalah supaya realiti ini akan membawa kepada kejayaan kepada ketandusan jiwa manusia yang

kita jalani bersama orang yang menerima kaunseling dari kita, terutamanya apabila ia membabitkan kehilangan orang tersayang. Kedua-dua pemberi dan penerima kaunseling akan dikejutkan dengan hadirat Allah apabila dipimpin oleh Firman-Nya.

Kurnia pengertian dan kearifan (kurnia yang boleh membezakan apa yang tersirat dan tersurat, apa yang baik dan buruk) diperlukan bagi kita untuk berfungsi sebagai pembantu sementara Allah agar penerima kaunseling akan mendengar Firman Allah sendiri. Adalah baik bagi kita untuk melihat daripada sudut pandangan Allah dan bukan manusia. Yesus mati untuk gereja-Nya; gereja adalah sebuah organisma, BUKAN organisasi.

“Oleh itu, kami tidak lagi menilai seseorang menurut penilaian manusia. Dahulu kami memang pernah menilai Kristus menurut penilaian manusia, tetapi sekarang tidak lagi. Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula. Semua itu dilakukan oleh Allah. Melalui Kristus, Allah sudah mengubah kita daripada musuh menjadi sahabat-Nya. Dia juga menugaskan kita supaya menjadikan orang lain sahabat-Nya juga. Inilah yang kami isytiharkan: Melalui Kristus, Allah menjadikan semua orang sahabat-Nya. Dengan rela hati Allah mengampunkan dosa mereka. Dia sudah menugaskan kami untuk memberitakan hal itu. Demikianlah kami berkata-kata bagi pihak Kristus, seolah-olah Allah sendiri memohon kepada kamu melalui kami. Kami menggesa kamu bagi pihak Kristus, supaya kamu

membolehkan Allah mengubah kamu daripada musuh menjadi sahabat-Nya.”

(2 Koruntus 5:16-20)

“Begitu juga Roh Allah datang menolong kita yang lemah ini. Kita tidak tahu bagaimana kita patut berdoa; Roh itu sendiri bermohon kepada Allah dengan erangan yang tidak dapat diutarakan dengan kata-kata.”

(Roma 8:26)

D.A. Seamands menjelaskan Roh Kudus sebagai seorang jururawat yang berjalan di samping pesakit untuk membantunya kembali berjalan. Pesakit tersebut, harus berusaha untuk berjalan bagi memulihkan kesihatannya. Di dalam tugas untuk melayani perdamaian Allah, seorang kaunselor hanya berjalan di samping penerima kaunseling mereka, sekiranya dibenarkan berbuat demikian. Kaunselor akan memimpin mereka ke hadirat Allah sehingga mereka sendiri melihat wajah Allah, memahami kehendak-Nya bagi mereka serta diubah melalui kebenaran dan kasih kurnia-Nya.

Tiga Jenis Orang Penerima Kaunseling

Oates menggariskan ada 3 jenis penerima kaunseling:

1. *Penerima Kaunseling Yang Putus Harapan – “Saya Tak Boleh”*

Mereka berasa lemah serta memerlukan pertolongan dari pelbagai sudut. Mereka mahu disembuhkan tetapi

merasakan kesembuhan adalah untuk orang lain dan bukan diri mereka. Mereka mempercayai bahawa diri tidak cukup baik bagi Allah. Mereka datang sebagai seorang yang melawan kehendak Allah. Jika kita mengenal pasti penerima kaunseling seperti ini, kita tidak akan berasa tawar hati apabila mereka sering mencuba untuk menghentikan sesi kerana takut tidak akan mendapatkan jawapan sekali lagi. Terdapat ramai yang menghabiskan masa bertahun-tahun di dalam kitaran tersebut. Peranan kita adalah untuk bersabar dan menggerakkan mereka kepada kesedaran akan hadirat Allah untuk mengenali kebebasan yang baru kemudian menyerahkan mereka kepada Rakan dan Sang Penyembuh.

2. *Penerima Kaunseling Yang Berseteru – “Semuanya Salah Mereka”*

Dia akan selalunya melawan kehendak Allah serta tidak ingin untuk berubah. Dia akan berfikir dan merasakan bahawa dia tidak perlu untuk mengubah caranya tetapi dia masih berharap agar masalahnya mampu diselesaikan. Selalunya pertolongan kita hanya berlaku di dalam campur tangan krisis di mana seorang insan perlu dialihkan daripada krisis. Saya pernah menolong seorang wanita yang didera secara fizikal dan lisan oleh suaminya. Dia sering menyalahkan dan berasa marah kepada suaminya serta mengugut untuk bercerai dengannya. Akhirnya, apabila saya menggesa dia untuk bertaubat daripada caranya yang selama ini membangkitkan kemarahan suaminya pada masa-masa tertentu, wanita tersebut berhenti untuk menghubungi saya. Dia tidak ingin untuk

berhadapan dengan kehancurannya sendiri. Setahu saya, keadaan mereka tidak banyak berubah.

3. *Penerima Kaunseling Yang Bekerjasama –
“Tolong Berjalan Bersama Saya”*

Dia akan menjalinkan hubungan dengan kita sebagai “teman sepanjang jalan”. Dia menyedari bahawa kita hanyalah penafsir bagi tanda-tanda yang Allah berikan kepadanya. Dia ingin berjalan di dalam hadirat dan kehendak Allah tetapi dia juga memerlukan arah tuju rohani. Dia memerlukan seseorang untuk memeriksa peta baginya. Dia beranggapan bahawa kita mengetahui kawasan tersebut, dia merasakan yang kita pernah melaluinya. Dia sedia maklum bahawa beban tersebut ada di bahunya, bukan kita. Dia adalah wakil kepada ramai pelayan sepenuh masa di dalam Kerajaan Allah yang telah penat. Mereka memikul beban gereja di atas bahu sendiri serta berjalan di bawah terik matahari. Mereka juga memerlukan teman. Mahukah kita berjalan bersama mereka?

Fungsi seorang kaunselor pastoral adalah untuk bekerja dengan penerima kaunseling di dalam hadirat Allah. Ketika kita berbuat demikian, kita akan menyaksikan perubahan posisi daripada meninggalkan Allah dan kehendak-Nya (menentang Allah, orang lain dan diri sendiri) kepada posisi berjalan bersama Allah di dalam kehendak-Nya bagi diri mereka (berjalan bersama Allah). Itu sangat memerdekakan! Dan ia sangat Menggembirakan!

Renungkan sejenak apa yang telah anda baca.

Sekiranya anda perlu membaca kembali bahagian-bahagian tertentu, silalah berbuat demikian.

Sentiasalah dengar dari Kaunselor Agung kita.



Refleksi

1. Jika anda adalah seorang penerima kaunseling, golongan yang manakah sesuai menjelaskan diri anda?
2. Adakah kaunseling pastoral diperlukan di dalam gereja anda? Jika “Ya”, bagaimanakah anda mampu membantu pastor untuk melayani mereka yang memerlukan kaunseling pastoral?
3. Apakah yang cuba disampaikan oleh Allah kepada anda melalui buku ini? Apakah respon anda?

Rujukan

- 1 Penulis menghadiri kuliah-kuliah Dr (Rev) D.A. Seamands tentang penjagaan pastoral dan kaunseling di Seminari Teologi Asbury pada 1991. Seamands telah memberi kebenarannya untuk nota-nota kuliahnya diterbit semula 'selagi itu akan membantu seseorang'.
- 2 Lee Bee Teik, *Deepening Joy* (SU Publications, 1993)
- 3 C. Peter Wagner, *Your Spiritual Gifts Can Help Your Church Grow* (Ventura, California: Regal Books, 1979)
- 4 Lee Bee Teik, *Listen to the Stories* (Reconre Sdn Bhd, 1997)
- 5 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) Feb 14
- 6 Ibid April 12
- 7 Oswald Chambers, *My Utmost for His Highest, An Updated Edition in Today's Language* (Chambers Publications Association Ltd. 1992, Original Edition, 1935) Jun 24
- 8 Ibid Julai 3 dan Yesaya 6:1-8
- 9 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) Feb 10.
- 10 Wayne Edward Oates, *The Presence of God in Pastoral Counseling* (Word Book Publisher, 1986)
- 11 F. Schafffer, *No Little People, No Little Places* (IVP, 1974)

- 12 Rosemary Green, *God's Catalyst* (Hodder & Stoughton 1991, Christian Press 1997)
- 13 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) Mar 2
- 14 Wayne Edward Oates, *The Presence of God in Pastoral Counseling* (Word Book Publisher, 1986) Bab 5 & 8
- 15 Howard Clinebell, *Growth Counseling* (Nashville: Abingdon Press, 1979)
- 16 Wayne Edward Oates, *The Presence of God in Pastoral Counseling* (Word Book Publisher, 1986)
- 17 Ibid Bab 1
- 18 Ibid
- 19 D.A. Seamands, *Healing for Damaged Emotions* (Victor Books, 1988)